

**Rosmah Sampaikan Sumbangan Kepada 200 Anak Yatim Dan Ibu Tunggal Di Pekan Bernama
4 Ogos, 2012**

PEKAN, 4 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor hari ini meraikan kira-kira 200 anak yatim dan ibu tunggal dari sekitar Parlimen Pekan pada majlis penyampaian sumbangan dan berbuka puasa di kediaman rasmi Perdana Menteri, dekat sini.

Ketibaan Rosmah di majlis itu pada 6.45 petang disambut Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Pekan, Datuk Melati Ali serta beberapa anggota pertubuhan bukan kerajaan wanita di Pekan.

Mereka kemudian bersalaman dan beramah mesra bersama anak yatim yang diraikan pada majlis berkenaan.

Sumbangan yang diberi kepada penerima terdiri daripada kuih-muih, baju raya dan duit raya bagi meringankan golongan itu membuat persiapan menjelang Aidilfitri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685670>